



MAHKAMAH SYARIAH SARAWAK

ARAHAN AMALAN NO. 7 TAHUN 2000

KEHADIRAN WAKIL BAGI PIHAK PEGUAM SYARIE PADA HARI SEBUTAN KES

Saya ingin menarik perhatian Y.A/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.1/2000 pada 11 Mei 2000 di Kota Bharu Kelantan dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 16 pada 26 Jun 2000 bersamaan 26 Rabiul Awwal 1421 di Kota Kinabalu Sabah telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan berhubung ketidakhadiran Peguam Syarie yang bertindak bagi pihak anakguamnya dalam sesuatu kes pada hari sebutan. Sebaliknya Peguam Syarie yang lain hadir menyebut kes tersebut bagi pihaknya. Dengan ini, hanya Peguam Syarie yang diberikan Wakalah Perlantikan Peguam dalam kes tersebut boleh hadir untuk menjalankan apa-apa prosiding kes di Mahkamah.

2. Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai *1 Julai 2001*.


(YAA TUAN HAJI SAM B HJ OJEH)
Ketua Hakim Syarie

Rujukan : MS/0/41 JLD. 2 (7)
Takwim : 20 Rabiul Awwal 1422H
Tarikh : 12 Jun 2001